

17 JAN 1996

MAHATHIR LANCAR TALIAN MAKLUMAT UTUSAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan "Utusan Malaysia Online" yang membolehkan pengguna Internet melihat dan membaca akhbar Utusan.

Sempena pelancaran rasmi itu, Kumpulan Utusan menerbitkan akhbar dengan gambar-gambar dan grafik mengenai Internet.

Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu Azizi Meor Ngah berkata dalam satu kenyataan di sini bahawa edisi khas Utusan Malaysia akan juga menggambarkan bentuk akhbar itu pada masa depan dalam Internet.

Pada majlis yang sama di sebuah hotel di sini, Dr Mahathir juga melancarkan majalah mingguan Utusan "MASSA".

Dr Mahathir juga dijadual berinteraksi dengan pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Yasser Arafat dan Presiden Filipina Fidel Ramos di Internet. -- BERNAMA